

SEJARAH PERAKAUNAN

Norhidayah Ismail


Perakaunan merujuk kepada satu sistem lengkap yang merangkumi beberapa proses seperti mengelas, merekod dan merumuskan sesebuah transaksi dan aktiviti perniagaan di dalam bentuk mata wang, serta menterjemahkan hasil dapatan kepada pihak yang berkepentingan bagi membolehkan mereka untuk membuat keputusan perniagaan. Perakaunan juga didefinisikan sebagai satu medium bagi menyampaikan maklumat kewangan sesebuah organisasi yang menjalankan perniagaan kepada pengguna dan pihak yang berkepentingan. Maklumat kewangan yang telah melalui proses pengelasan, rekod dan rumusan akan diterjemahkan di dalam bentuk penyata kewangan. Penyata kewangan ini amat penting bagi pengguna berkepentingan dalam membuat keputusan perniagaan.



Token Perakaunan dari tanah liat (3,500 S.M.)

Bagaimana sistem perakaunan di dunia ini boleh bermula? Menurut catatan sejarah, catatan perakaunan pertama bermula pada tahun 3,500 Sebelum Masihi (S.M.) bertempat di Babylonia yang mencatatkan pembayaran upah di buat di atas kepingan tanah liat. Pada ketika itu, sistem mata wang masih belum wujud sebagai alat perantaraan pertukaran barang. Pada abad ke-5 dan ke-6 S.M., mata wang telah diperkenalkan bagi memudahkan urusan catatan rekod perakaunan dan menjadi nilai piawaian ukuran bagi pertukaran barang. Kepsatan perdagangan sekitar tahun 1,200 sehingga 1,500 S.M. telah menjadi salah satu sebab sistem catatan bergu diperkenalkan di Itali. Sistem ini telah dicipta oleh

Luca Pacioli yang juga dikenali sebagai ‘Bapa Perakaunan’ kerana beliau merupakan penulis pertama yang menerbitkan buku berkenaan perakaunan. Karyanya telah diguna pakai sehingga kini dan telah berkembang mengikut peredaran zaman.




Proses Perakaunan

Catatan rekod perakaunan adalah amat penting bagi sesebuah entiti perniagaan kerana ia dapat memberi kesan kepada keputusan perniagaan yang akan diambil wajar atau tidak. Keputusan perniagaan yang baik dapat di buat berdasarkan hasil dapatan dari penyata kewangan yang tepat. Ketepatan rekod kewangan daripada semua transaksi dan aktiviti perniagaan amat penting untuk mengelakkan sebarang kesilapan atau maklumat yang mengelirukan. Transaksi sesebuah organisasi tidak hanya tertakluk kepada satu transaksi sahaja malah ia juga terlibat dengan transaksi yang lebih kompleks. Seseorang individu tidak dapat mengingati transaksi yang telah berlaku dan catatan rekod perakaunan perlu di buat untuk mengelakkan sebarang kesilapan dan kehilangan maklumat. Entiti perniagaan tersebut juga dapat menilai status perniagaan mereka melalui catatan rekod perakaunan samada berada di tahap yang menguntungkan atau merugikan. Tindakan susulan juga dapat diambil dengan lebih awal jika terdapat sebarang masalah yang akan timbul.

Ternyata melalui catatan ini, sesebuah organisasi dapat membendung masalah dari awal dan merangka

strategi yang lebih baik bagi perniagaan mereka. Ini bermakna aktiviti mengelas, merekod, merumus dan menterjemah segala maklumat dan perkara yang berlaku perlu dititikberatkan untuk terus maju ke hadapan. Begitu juga di dalam kehidupan seharian kita. Sebagai manusia, kita perlu menilai semula perbuatan yang telah dilakukan samada tindakan itu membawa kebaikan atau keburukan kepada diri sendiri dan orang di sekeliling kita. Kita haruslah sentiasa melakukan kebaikan supaya catatan akhirat kita dapat menjadikan kita seorang hamba yang beriman dan beroleh kejayaan.



Luca Pacioli, 1495